

Bahasa Seksis dalam Peribahasa Melayu dan Parambahan Brunei

Sexist Language in Peribahasa Melayu and Parambahan Brunei

Najib Noorashid
najib.noorashid@ubd.edu.bn

Nurul Asyiqin Azli
nurulasyiqinbintiazli@gmail.com

Universiti Brunei Darussalam, Brunei

Published: 11 Oktber 2024

To cite this article (APA): Noorashid, N., & Azli, N. A. (2024). Bahasa Seksis dalam Peribahasa Melayu dan Parambahan Brunei. *PENDETA*, 15(2), 18–36. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol15.2.2.2024>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol15.2.2.2024>

Abstrak

Dalam bidang sosiolinguistik kontemporari, kajian terhadap penggunaan bahasa yang berkait rapat dengan unsur-unsur gender yang memfokuskan terhadap penelitian penggunaan leksikal, frasa dan wacana terus mendapat perhatian daripada pengkaji bahasa. Sebahagian besar penyelidikan bahasa dan gender lazimnya menggambarkan ketidakadilan dan konotasi negatif terhadap golongan wanita. Penyelidikan dalam memahami isu seksisme dalam bahasa dan kesannya dianggap signifikan bagi mencabar norma masyarakat, menggalakkan kesaksamaan jantina, dan mewujudkan ruang linguistik inklusif dalam sesebuah masyarakat. Dengan mengaplikasikan pendekatan bahasa seksis dalam memahami peranan dan kedudukan wanita dalam masyarakat Melayu, kajian ini menggunakan Peribahasa Melayu dan Parambahan Brunei sebagai modal konstituen kebudayaan yang lahir dalam masyarakat Melayu di Malaysia dan Negara Brunei Darussalam. Kajian ini melibatkan penganalisan kuantiti bentuk tekstual dan kaedah kualitatif deskriptif bagi membincangkan justifikasi unsur-unsur seksisme dalam Peribahasa Melayu dan Parambahan Brunei. Analisis kajian mendapati kewujudan unsur-unsur seksisme dalam ungkapan Melayu dimanifestasi melalui tiga tema utama, iaitu peranan wanita sebagai ibu dan isteri, interaksi sosial wanita dengan golongan lelaki, dan pemerian sifat luaran dan tabiat wanita. Walaupun kajian-kajian terdahulu banyak menekankan unsur-unsur seksisme dalam pemerian dan peranan stereotaip wanita dalam Peribahasa Melayu, kajian ini mendapati penanda-penanda linguistik dan maksudnya juga boleh menzahirkan nilai seksisme melalui perbandingan interaksi wanita dengan lelaki. Kajian ini turut membincangkan beberapa implikasi penting sebagai cadangan penyelidikan lanjut dan terhadap pengajaran bahasa Melayu, sekaligus mencadangkan sebuah model analisis bahasa seksis yang boleh digunapakai dalam memahami penganalisan bahasa dan peranan gender dalam karya-karya berunsur figuratif.

Kata kunci: bahasa gender; bahasa seksis; peribahasa Melayu; parambahan Brunei; seksisme linguistik.

Abstract

In contemporary sociolinguistics, the study of language use and gender, focusing on lexical choices, phrases, and discourse, continues to gather attentions from language researchers globally. Nevertheless, most research on language and gender habitually highlights injustice and negative connotations towards women. Understanding the issue of sexism in language and its effects is crucial in challenging societal norms, promoting gender equality and equity, and creating an inclusive linguistic space within society. Using linguistic sexism to comprehend the role and position of women in Malay society, this study utilizes Peribahasa Melayu (Malay proverbs) and Parambahan Brunei (Brunei Malay proverbs) as cultural capitals of the Malays in Malaysia and Brunei Darussalam. This study employs quantitative textual analysis alongside descriptive qualitative methods to examine the justification of sexist elements in Peribahasa Melayu and Parambahan Brunei. Our analysis found that the elements of sexism in Malay expressions are manifested through three main themes: the women's roles

as mothers and companions, social interactions between women and men, and superficial characteristics and habitus of Malay women. Although previous studies have emphasized the elements of sexism in the stereotypical role and portrayal of women in Malay proverbs, our study further found that linguistic markers can reveal sexism through the comparative roles and interactions between women with men. This study also discusses some important pedagogical and research implications for teachers and future researchers. This study further proposes an analytical model for understanding sexism in language that can be used to understand the correlation of language and gender elements in figurative pieces.

Key words: *language and gender; linguistic sexism, Malay proverbs; sexism in language; women and sexism.*

PENDAHULUAN

Bahasa dan kebudayaan membentuk sinergi dalam merepresentasikan sesebuah masyarakat. Dalam fenomena bahasa yang berkaitan dengan budaya masyarakat, terdapat variasi komponen-komponen penting seperti faktor umur, pendidikan, gender, pekerjaan dan stratifikasi sosial yang menggambarkan proses sosialisasi dalam masyarakat penutur. Faktor-faktor ini dapat dizahirkan dan diteliti melalui lambang, konstituen dan wacana linguistik dalam perbualan atau penulisan, sekaligus menjadi tunjang utama dalam penyelidikan bidang sosiolinguistik.

Dalam bidang sosiolinguistik kontemporari, kajian terhadap penggunaan bahasa yang berkait rapat dengan unsur gender terus mendapat perhatian daripada pengkaji-pengkaji bahasa. Kajian mengenai bahasa dan gender banyak memfokuskan penelitian terhadap penggunaan leksikal, frasa, dan hasil karya penulisan yang menzahirkan perbezaan bahasa antara lelaki dan wanita. Walau bagaimanapun, sebahagian besar daripada penyelidikan bahasa dan gender ini lazimnya menggambarkan bias dan ketidakadilan, sifat berat sebelah dan konotasi negatif terhadap golongan wanita, sekaligus melahirkan sub-bidang kajian penelitian bahasa seksis sebagai fokus utama (Garnica, 2020; Mills, 2008). Hal ini turut menjadi perhatian dan perdebatan golongan feminisme yang mempersoalkan isu seksisme dalam bahasa, sekaligus mecetus kepentingan untuk membicarakan isu peranan dan kedudukan wanita dalam sesebuah masyarakat (Eckert & McConnell-Ginet, 1992; Sunderland, 2006).

Sifat seksis atau seksisme merujuk unsur bias yang memihak kepada sesuatu jantina, selain merendahkan jantina yang lain sehingga boleh menimbulkan elemen-elemen stereotaip jantina dan penilaian seseorang berdasarkan kebolehannya (Salmen & Dhont, 2020). Contohnya, penilaian stereotaip negatif terhadap lelaki yang tidak boleh menangis kerana mereka akan dianggap lemah, manakala stereotaip negatif terhadap wanita sebagai jantina yang lebih lemah meskipun mereka memiliki pendidikan dan berkebolehan tinggi.

Unsur seksisme dalam masyarakat berpunca daripada ketidakseimbangan dalam hubungan kuasa antara gender. Elemen seksisme wujud dalam pelbagai bentuk, termasuk diskriminasi berasaskan gender, objektifikasi gender, dan peneguhan peranan stereotaip gender. Kesan seksisme cenderung terjadi terhadap kaum wanita berikutan dinamika kuasa dalam sesebuah masyarakat yang mendasari kepada peminggiran, diskriminasi dan subordinasi peranan wanita, dan lazimnya menegakkan dominasi dan keistimewaan lelaki (Garnica, 2020). Kesan seksisme yang wujud dalam struktur sosial, budaya dan institusi dalam sesebuah masyarakat boleh mengakibatkan akses peluang, sumber dan kuasa yang terhad bagi golongan wanita. Dalam hal yang sama, perihal ini turut dimanifestasikan melalui penggunaan bahasa yang memperlihatkan ciri-ciri bahasa dan stereotaip gender yang boleh mengukuhkan norma dan jangkauan masyarakat.

Isu-isu penyelidikan berkaitan unsur-unsur seksisme dalam bahasa terletak pada pemikiran, sikap dan pengaruh meluas terhadap peranan dan kedudukan gender serta dinamika kuasa dalam sesebuah masyarakat (Bahiyah et al., 2008; Bartlomiejczyk, 2023; Mills & Mullany, 2011). Bahasa merupakan medium komunikasi yang sangat berpengaruh dalam membentuk persepsi individu, mengukuhkan stereotaip, dan menyebarkan ketidakadilan (Bartlomiejczyk, 2023). Beberapa kajian yang dijalankan seperti Eckert dan McConnell-Ginet (1992), Salmen dan Dhoni (2020), dan Tipler dan Ruscher (2019) turut mendedahkan kepentingan untuk meneliti dan memahami manifestasi seksisme dalam bahasa dan impaknya terhadap diskriminasi individu berdasarkan jantina. Penyelidikan sebegini dianggap penting untuk mencabar norma masyarakat, menggalakkan kesaksamaan jantina, dan mewujudkan ruang linguistik inklusif dalam usaha untuk memperkasa individu dan segala pihak dalam sesebuah masyarakat. Mengabaikan kepentingan untuk mempelajari seksisme dalam fenomena bahasa boleh menyumbang kepada pengekalan ideologi yang berbentuk stereotaip negatif, sekaligus menghalang kemajuan ke arah masyarakat yang lebih adil dan saksama.

Dengan menggunakan Peribahasa Melayu (PM) dan Parambahan Brunei (PB) sebagai modal konstituen kebudayaan yang lahir dalam masyarakat Melayu di Malaysia dan di Negara Brunei Darussalam, kajian ini meneliti unsur-unsur seksisme yang menumpukan peranan dan kedudukan wanita serta perihal kewanitaan dari segi makna dan representasi linguistik. Dengan mengkaji unsur seksisme dalam PM dan PB yang dipengaruhi oleh cetusan ide dan cara hidup di kedua-dua buah negara boleh membantu dalam memahami isu dan peranan gender yang terkandung dalam naratif budaya, sekaligus memupuk kesedaran kritis dan keperluan dialog untuk perubahan sosial. Dengan menangani isu seksisme ini, masyarakat Melayu di Malaysia dan Brunei boleh mempromosikan nilai yang lebih saksama dan memperkasakan kumpulan tertindas serta menyumbang kepada komuniti yang lebih inklusif dan adil. Oleh yang demikian, artikel ini cuba untuk merungkai tiga persoalan utama:

- 1) Adakah wujud unsur seksisme dalam PM dan PB?;
- 2) Jika wujud unsur seksisme, bagaimanakah unsur-unsur seksisme ini direpresentasikan dalam PM dan PB?;
- 3) Adakah wujud perbezaan dalam merepresentasikan gender wanita dan unsur kewanitaan di antara PM dengan PB?

Dengan menggunakan penelitian yang berbeza dari kajian-kajian sebelum ini, hasil penyelidikan pada kali ini dianggap signifikan dalam memberikan pendedahan dan pengetahuan baharu dalam memahami unsur seksisme dalam bahasa Melayu. Selain itu, memandangkan PM dan PB bukan hanya dianggap sebagai ungkapan Melayu yang merepresentasikan keluhuran dan peradaban Melayu, tetapi juga digunakan sebagai bahan pengajaran formal, kajian ini juga membincangkan beberapa implikasi penting terhadap penyelidikan dan pedagogi yang boleh dipraktikkan oleh para penyelidik bahasa dan pihak-pihak berkepentingan.

PERIBAHASA MELAYU (PM) DAN PARAMBAHAN BRUNEI (PB)

Lahir di alam Melayu, PM merujuk kepada susunan ungkapan pendek yang dianggap mempunyai keindahan bentuk dan perkataan, perluasan makna dan tujuan penggunaan sebagai perbandingan, teladan dan pengajaran serta iktibar yang digunakan oleh orang-orang Melayu sejak dahulu kala (Musa & Che Man, 2024; Nopiah & Anuar, 2023). PM berfungsi untuk menyampaikan sesuatu nasihat, sindiran tersirat dan nilai didikan dalam kalangan masyarakat Melayu. PM “dicipta berdasarkan pengalaman hidup [yang] turut memancarkan nilai dan hati budi orang Melayu [sekali] menyenaraikan pemikiran bangsa Melayu tentang alam kehidupan yang mereka tempuhi” (Zaitul Azma & Ahmad Fuad, 2011, hlm.32).

PM dianggap sebagai karya seni yang dimiliki oleh masyarakat Melayu secara turun-temurun kerana ia menggambarkan perspektif orang Melayu berdasarkan hubungan sesama manusia, alam sekitar, flora dan fauna dan ketuhanan. Oleh itu, PM juga dianggap sebagai testamen ketamadunan Melayu yang menggambarkan “inti pati cara hidup orang Melayu dari semasa ke semasa, terutamanya dalam masyarakat pra-literasi [dan kini dianggap sebagai] produk kesedaran kolektif orang Melayu tentang diri, orang lain, sejarah, sistem sosial, konflik, keperwiraan, seni, bahasa, puisi, musik dan lain-lain” (Ding, 2009, hlm.8). Sepertimana karya-karya klasik Melayu lain, penciptaan PM juga tidak terlepas daripada mencerminkan hubungan sesama manusia, termasuk sifat wanita dan hubungannya dengan kaum lelaki (Ding, 2009).

Sementara itu, PB wujud daripada perkembangan bahasa Melayu Brunei dan tercipta dalam ruang lingkup geografi, sosialisasi dan masyarakat Melayu Brunei. PB turut mempunyai kriteria yang seakan-akan sama dengan PM kerana ia juga mengetengahkan penggunaan ungkapan-ungkapan kiasan yang mempunyai makna tertentu dan berbentuk sindiran serta pengajaran, namun PB menggunakan elemen-elemen bahasa daripada dialek Melayu Brunei (Asnan et al., 2024; Nurul Aqilah, 2024). Dari aspek linguistik, penciptaan PB merupakan fenomena unik yang membezakan bahasa Melayu Brunei daripada bahasa Malaysia dan bahasa Indonesia kerana ia menggunakan sebutan dan leksikal yang berbeza. PB dianggap sebagai cerminan pemikiran orang-orang Melayu Brunei dan dimiliki oleh masyarakat Melayu Brunei. Oleh itu, usaha untuk memahami PB dianggap sebagai inisiatif yang penting dalam pendidikan formal dan informal di Brunei (Nazrul Muhaimin & Muhammad Fadzilah, 2016).

Berdasarkan, pengajaran dan pembelajaran PM dititikberatkan dalam kurikulum di sekolah-sekolah di Malaysia dan Brunei, pengetahuan mengenai PB juga disertakan dalam kurikulum pengajaran formal dan peperiksaan bagi subjek bahasa Melayu di sekolah-sekolah rendah dan menengah di Brunei. Buku-buku seperti *Perambahan Brunei* (1991) dan *Parambahan Brunei* (2003) yang dicetak oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei merupakan antara nara sumber yang digunakan oleh guru-guru bahasa Melayu di Brunei.

SOROTAN LITERATUR

Sebagai sebahagian daripada fenomena berbahasa, bahasa seksis membayangkan sikap bias, berat sebelah atau ketidakadilan terhadap sesuatu gender melalui elemen-elemen bahasa (Mills, 2008). Pakar bahasa mengkaji pelbagai aspek, seperti penggunaan bahasa, corak wacana, dan ideologi linguistik untuk mendedahkan dan membincangkan unsur-unsur seksisme dalam komunikasi seharian. Seksisme boleh wujud melalui bahasa berdasarkan istilah dan perujukan gender, perlakuan diskriminasi, dan pengukuhan stereotaip gender. Perihal ini lazimnya memperlihatkan kedinamikan kuasa dan hierarki sosial yang mempengaruhi pilihan bahasa dan interaksi, sekaligus mendedahkan bagaimana bahasa boleh digunakan untuk meminggirkan dan menindas individu berdasarkan gender (Caldas-Coulthard, 2020; Mills, 2008).

Sebahagian besar kajian terhadap unsur-unsur seksisme dalam bahasa boleh ditinjau melalui penggunaan kata, frasa, ayat, ungkapan dan wacana serta karya seni, dan acapkali penilaian terhadap bahasa seksis akan menunjukkan kesan buruk atau konotasi yang negatif terhadap sesuatu kaum atau gender (Roksana-Bibi, 1998; Weatherall, 2015). Representasi bahasa seksis merangkumi kedua-dua aliran, sama ada menerusi penggunaan bahasa ekplisit seperti menghina secara terang-terangan ataupun melalui simbol-simbol linguistik implisit yang bertujuan untuk menjejaskan nilai, keupayaan dan

pengalaman individu atau kaum berdasarkan gender. Bahasa seksis bukan sahaja mencerminkan sikap dan berat sebelah masyarakat, malahan ia juga berpotensi untuk membentuk dan mengekalkan persepsi. Sebahagian besar kajian sosiolinguistik terhadap bahasa seksis lebih cenderung mendapati unsur-unsur ketidakadilan dan bias yang wujud terhadap kaum wanita.

Di Barat, kemunculan hasil-hasil penyelidikan sosiolinguistik yang berpengaruh yang melibatkan penelitian variasi bahasa berdasarkan gender dari aspek tatabahasa, laras, semantik dan wacana oleh Robin Lakoff, Jennifer Coates, Janet Holmes dan Deborah Tannen pada tahun 70-an, antara lain, telah banyak memberikan inspirasi kepada pengkaji-pengkaji linguistik kontemporari untuk meneliti perkembangan isu-isu bahasa berdasarkan aspek gender pada masa ini, termasuk kajian-kajian yang memperlihatkan unsur-unsur seksisme atau bahasa seksis.

Kajian yang melibatkan bahasa seksis turut dikaitkan dengan faktor-faktor persekitaran seperti interaksi sosial, hubungan kuasa dan identiti sosial sebagai sebahagian daripada praktis masyarakat (Eckert & McConnell-Ginet, 1992). Unsur-unsur seksis boleh dilihat secara jelas dari aspek linguistik. Sebelum ini, terdapat kajian-kajian linguistik yang membahasakan kata-kata berunsur negatif dan merendahkan kaum wanita dalam bahasa Inggeris. Contohnya, leksikal ‘*miss*’, ‘*madam*’ dan ‘*mistress*’ yang mengalami peluasan makna kepada *miss* bermaksud *prostitute*, *madam* bermaksud pemilik rumah maksiat dan *mistress* sebagai perempuan simpanan dianggap sebagai merendahkan martabat golongan wanita. Selain kajian-kajian bahasa seksis dalam interaksi sosial seharian (Weatherall, 2015), perkembangan penyelidikan lain juga meninjau unsur-unsur seksisme dengan menggunakan karya-karya sastera sebagai modal dalam memahami bias dan stereotaip yang wujud melalui pengukuhan berbahasa, berkomunikasi dan penceritaan, sekaligus memberikan pandangan tentang sikap dan norma masyarakat terhadap isu gender (Ochieng, 2012; Williams, 2022).

Sejumlah besar kajian linguistik di Barat lazimnya mendapati nilai seksisme dalam bahasa Inggeris melalui: (1) semantik kata, penggunaan ganti nama jantina, personafikasi dan gambaran yang merendahkan kaum wanita; (2) susunan kata atau ganti nama jantina lelaki yang mendahului kaum wanita; (3) penggunaan honorifik yang memberi keutamaan terhadap jantina lelaki daripada kaum wanita; (4) tindak tutur lokusi yang mengutamakan jantina lelaki daripada kaum wanita; dan (5) wacana bahasa yang mempunyai konotasi negatif terhadap kaum wanita (Graddol & Swann, 1989; Garnica, 2020; Mills, 2008; Nneka, 2012). Seksisme dalam bentuk dan penanda linguistik lazimnya ditemui dalam kalangan bahasa gender (*gendered language*) yang mempraktik penggunaan kata dan frasa yang mengaitkan sifat dan ciri khusus berasaskan jantina tertentu atau menampilkan kecenderungan kepada satu jantina yang biasanya ditemui di negara-negara Barat dan Eropah (Bartlomiejczyk, 2023; Caldas-Coulthard, 2020; Menegatti & Rubini, 2017).

Walaupun unsur gender dalam bahasa Melayu dianggap minimal (Suhaida et al., 2014), kajian mengenai bahasa seksis turut berkembang di alam Melayu berikutan kewujudan ideologi feminisme yang memperjuang hak asasi wanita dalam masyarakat kontemporari. Contohnya, terdapat kata-kata berkonotasi negatif yang hanya merujuk golongan wanita iaitu ‘pelacur’, ‘betina’ dan ‘jalang’ yang seringkali digunakan untuk merendahkan sifat dan nilai wanita. Selain memfokuskan kajian mengenai unsur seksis dalam produk kesusasteraan Melayu, terdapat tradisi berterusan untuk menjalankan kajian-kajian linguistik yang menggunakan penulisan kreatif sebagai produk yang merepresentasikan cara hidup dan kebudayaan Melayu (Bahiyah & Hafriza, 1998; Imran-Ho, 2011; Saripah & Rosline, 2017; Zaitul Azma, 2009).

Kajian Rokhsana-Bibi (1998) merupakan antara penyelidikan terawal yang menggabungkan penelitian terhadap unsur gender dalam PM sebagai sebahagian daripada ungkapan Melayu. Beliau mendapati bahawa pembentukan konstituen PM yang melibatkan unsur wanita dan nilai-nilai kewanitaan lazimnya mengandungi makna-makna negatif dan merendahkan martabat kaum wanita. Walau bagaimanapun, kajian yang dijalankan oleh Nor Hashimah (2000) pula mendapati nilai seksisme dalam PM itu boleh dilihat sebagai medium pendidikan pada orang-orang Melayu agar tidak mengasosiasikan ciri-ciri negatif terhadap kaum wanita. Berdasarkan skop dan penelitian yang berbeza terhadap PM yang sama, kedua-dua kajian ini meninjau unsur-unsur seksis dari sudut yang berlainan iaitu dari penelitian makna secara langsung dan melalui fungsi PM dalam masyarakat Melayu, sekaligus menghasilkan dapatan dan perspektif yang berbeza.

Kajian yang dijalankan oleh Siti Nurizzaty et al. (2018) mendapati nilai-nilai positif dalam pembentukan PM di alam Melayu menunjukkan unsur-unsur feminisme dibahagikan kepada tiga aspek iaitu sikap positif terhadap wanita, kedudukan tinggi golongan wanita dan martabat wanita sebagai ibu serta kualiti hidup wanita dalam masyarakat Melayu. Kajian yang menumpukan data PM yang selektif ini menyimpulkan bahawa penelitian bahasa dan gender dalam PM itu tidak semestinya menggambarkan nilai-nilai negatif terhadap golongan wanita, malah mengangkat imej wanita. Manakala, kajian yang lebih terkini oleh Zabedah dan Shaiful Bahri (2019) menjelaskan bahawa ungkapan-ungkapan Melayu yang difahami melalui konteksnya boleh menggambarkan keperibadian dan keluhuran wanita Melayu yang ideal. Walau bagaimanapun, kesemua kajian ini bersepakat menyatakan PM lazimnya mempunyai pendeskripsian negatif terhadap golongan wanita. Walaupun kajian terhadap bahasa seksis dalam konteks alam Melayu masih dianggap baharu, penyelidikan terdahulu ini banyak memberikan ruang kepada pengkaji-pengkaji bahasa seterusnya untuk meneliti isu yang sama dengan meninjau kasus dan menggunakan pendekatan yang berbeza.

Walaupun terdapat kajian perbandingan PM dengan peribahasa daripada bangsa yang berbeza pernah diterbitkan, usaha penyelidikan analisis komparatif antara PM dengan PB belum pernah dijalankan, lebih-lebih lagi yang melibatkan perbincangan penciptaan dan penggunaan PM dan PB sebagai sebahagian kebudayaan orang-orang Melayu secara kritis. Kajian yang melibatkan PB juga sangat terhad dan hanya pernah dibincangkan sebagai sebahagian nilai-nilai bahasa Melayu Brunei yang perlu dipertahankan dalam dunia moden ini (Nazrul Muhaimin & Muhammad Fadzilah, 2016). Walaupun kajian yang dijalankan oleh Asnan et al. (2024) turut mendeskripsikan elemen bahasa sebagai sebahagian dari cerminan budaya Melayu Brunei, kajian mereka ini hanya terhad kepada penelitian sebuah leksem ‘tayi’ dalam bahasa Melayu Brunei. Keadaan ini sekaligus memberikan ruang kepada artikel ini untuk membincangkan perihal seksisme dalam tradisi penciptaan, penggunaan dan fungsi PM dan PB serta impaknya dalam kajian dan aspek-aspek pedagogi kontemporari.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kefahaman bahasa seksis sebagai pendekatan dalam menganalisis unsur-unsur seksisme terhadap wanita, nilai-nilai kewanitaan dan representasi wanita dalam PM dan PB. Seperti yang dibincangkan dalam bahagian terdahulu, kefahaman bahasa seksis mengetengahkan perbincangan penggunaan bahasa atau elemen-elemen dan konstituen linguistik sebagai bentuk praktik sosial, sekaligus meneliti fenomena sosial berikutan stereotaip, deskriminasi dan penindasan sesuatu gender yang dimanifestasikan dan direpresentasikan dalam sesebuah wacana lisan dan tulisan dan lisan.

Berdasarkan kajian terdahulu yang dijalankan oleh Nneka (2012), Suhaidah et al., (2014), Sunderland (2006) dan Weatherall (2015), unsur bahasa seksis boleh direpresentasikan dari segi

pemilihan dan penggunaan leksikal melalui kefahaman semantik dan pragmatik, ataupun berdasarkan struktur dan susunan sintaksis. Kefahaman bahasa seksis turut digunakan untuk meneliti hubungan bias, kuasa dan dominasi terhadap gender yang dimanifestasikan melalui bahasa dan penggunaan bahasa. Oleh itu, kefahaman ini digunakan untuk meneliti fokus kajian mengenai representasi wanita dalam PM dan PB dari sudut fenomena sosial melalui penggunaan elemen-elemen linguistik seperti kata dan frasa dalam peringkat mikro dan makna serta fungsi sosial dalam peringkat makro.

Data kajian diperoleh daripada tiga buku utama, iaitu: *Koleksi Terindah Peribahasa Melayu* yang disusun oleh Ainon dan Abdullah (2006) (mempunyai jumlah muka surat sebanyak 251) terbitan PTS Publishing Malaysia, dan *Perambahan Brunei* (1991) (mempunyai jumlah muka surat sebanyak 95) serta *Parambahan Brunei* (2003) (mempunyai jumlah muka surat sebanyak 128) yang disusun dan dicetak oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei. Buku *Koleksi Terindah Peribahasa Melayu* susunan Ainon dan Abdullah (2006) mengandungi kompilasi 3,500 daftar PM yang dianggap merepresentasikan pemikiran orang-orang Melayu. Walaupun daftar dalam buku tersebut tidak menyatakan etimologi dan sumber asal daftar, namun koleksi PM ini dipercayai berdasarkan penciptaan orang-orang Melayu nusantara, iaitu sebahagian besar melibatkan ruang lingkup geografi Malaysia (Ainon & Abdullah, 2006). Sementara itu, daftar-daftar PB dalam kedua-dua buku *Perambahan Brunei* (1991) dan *Parambahan Brunei* (2003) dikumpul dan dicetak di Brunei, sekaligus merepresentasi masyarakat Melayu Brunei (Asnan et al., 2024). Terdapat 518 jumlah daftar keseluruhan PB dalam *Perambahan Brunei* (1991) dan sebanyak 733 daftar PB disenaraikan dalam *Parambahan Brunei* (2003) berjumlah keseluruhan 1,251 mewakili kumpulan data PB.

Berdasarkan data yang diperoleh daripada ketiga-tiga buku ini, pengkaji hanya mengehendkan penelitian dan perbincangan terhadap daftar PM dan PB dan pengertiannya yang berkait rapat dengan wanita, peranan wanita dan nilai-nilai kewanitaan, sama ada secara tersurat dan tersirat. Selain melibatkan penganalisisan kuantiti bentuk-bentuk tekstual PM dan PB dalam ketiga-tiga buku tersebut, analisis secara terperinci terhadap data-data terpilih turut menggunakan kaedah kualitatif deskriptif bagi membincangkan justifikasi unsur-unsur seksisme dalam data-data yang dikumpul.

Kajian ini turut menggunakan analisis kandungan (*content analysis*) untuk mengenal pasti, mengklasifikasikan dan mengukur secara sistematik yang melibatkan penanda linguistik dan maksud PM dan PB. Proses analisis ini termasuk mengkaji tema, stereotaip dan dinamik kuasa yang dicerminkan dalam PM dan PB, dan mengekodkan data ke dalam kategori yang berkaitan (contohnya, meinjau sentimen yang menggambarkan peranan jantina), dan mentafsir corak untuk memahami cara seksisme dizahirkan sebagai ekspresi budaya. Analisis kandungan ini kemudiannya dibincangkan berdasarkan persoalan kajian yang diketengahkan di dalam kertas penyelidikan ini.

ANALISIS DAPATAN

Berdasarkan analisis kuantiti, terdapat 23 (0.66%) daripada 3,500 jumlah keseluruhan daftar PM dalam *Koleksi Terindah Peribahasa Melayu* (Ainon & Abdullah, 2016) yang mendeskripsikan golongan wanita, peranan wanita dan nilai-nilai kewanitaan. Sementara itu, 9 (1.77%) daripada 518 jumlah keseluruhan daftar PB didapati dalam *Perambahan Brunei* (1991) dan 8 (1.09%) daripada 733 jumlah keseluruhan daftar PB dalam *Parambahan Brunei* (2003) turut mendeskripsi perihal yang sama.

ANALISIS KONSTITUEN LINGUISTIK DAN GENDER DALAM PM

Analisis kajian terhadap kumpulan data PM mendapati representasi gender perempuan atau wanita terbahagi kepada tiga kategori utama, iaitu: (1) peranan wanita sebagai ibu dan isteri, (2) interaksi wanita dengan golongan lelaki, dan (3) pemerian sifat luaran dan perangai wanita. Perkara ini boleh dilihat melalui Jadual 1.

Jadual 1. Analisis representasi gender wanita dalam PM

PERIBAHASA MELAYU DAN KATEGORI		
Kategori: (1) Peranan wanita sebagai isteri dan ibu		
Bil.	Peribahasa Melayu (PM)	Maksud
1	Kain lama dicampak buang; kain baru pula dicari (hlm.91).	Isteri lama diceraikan, kahwin pula isteri baru.
2	Sayang akan kain, buangkan baju, sayang akan yang lain, buangkan aku (hlm.154).	Kata-kata isteri kepada suaminya yang mencari kekasih lain.
3	Lepas bantal berganti tikar (hlm.115).	Selepas isteri mati, berkahwin pula dengan saudara perempuannya
4	Digantung tidak bertali (hlm.54).	Isteri yang ditinggal tetapi tak dicerai.
5	Rumah gedang ketirisan (hlm.151).	Isteri yang tidak membawa bahagia kepada suami.
6	Mata kejam, bantal membuat ragam (hlm.123)	Isteri yang curang waktu suaminya lengah.
7	Mata tidur, bantal berjaga (hlm.123)	Isteri yang curang.
8	Kepala rebah mata melayang, bantal bangkit main wayang (hlm.104)	Isteri curang waktu suami alpa.
9	Seperti puyuh, mahu betina daripada yang jantan (hlm.165).	Isteri bekerja kuat, suami bersenang-senang.
10	Ibarat telaga di bawah gunung (hlm.85).	Isteri yang membawa kebahagiaan kepada suami.
11	Umpama permata baik tidak kena ikatannya (hlm.237).	Perempuan keturunan baik-baik bersuami lelaki hina.
12	Masak durian, masak manggis (hlm.121).	Perempuan lebih teguh menyimpan rahsia daripada lelaki.
Kategori: (2) Interaksi wanita dengan golongan lelaki		
13	Ibarat satu kambing, dua serigala (hlm.83)	Dua lelaki berebut satu perempuan.
14	Di mana bunga yang kembang, di situ banyak kumbang (hlm.51)	Di mana ada perempuan cantik, di situ banyak laki-laki
15	Perigi mencari timba (hlm.145)	Perempuan mencari lelaki.
16	Umpama duduk di dalam tabir langit-langit berbau tembelang (hlm.203)	Perempuan yang berkurung di dalam rumah tetapi jahat.
17	Merendah terbang biawak (hlm.130)	Perempuan mempamerkan diri kepada lelaki yang diminatinya
18	Tidaklah telaga mendapatkan timba (hlm.191)	Perempuan tidak mencari lelaki; siapa hendak, dialah patut datang.
Kategori: (3) Pemerian sifat luaran dan perangai wanita		
19	Ibarat bunga dedap, sungguh merah berbau tidak (hlm.73)	Cantik tetapi tidak berbudi.
20	Seperti lebah; mulut membawa madu, ekor membawa sengat (hlm.163)	Cantik dan mulut manis, tetapi hatinya jahat.
21	Habis manis, sepah dibuang (hlm.62).	Disayang semasa masih cantik.
22	Umpama bulan mengambang penuh di kaki awan (hlm.197)	Kecantikan perempuan yang sudah disolek.

bersambung

23	Merak kayangan (hlm.129)	Wanita jelita yang diidamkan tetapi tidak mungkin dimiliki.
----	--------------------------	---

KATEGORI (1): PERANAN WANITA SEBAGAI SEORANG ISTERI DAN IBU

Dalam Jadual 1, entiti linguistik seperti ‘kain’ (bil.1), ‘baju’ (bil.2), ‘bantal’ dan ‘tikar’ (bil.3) dan ‘rumah’ (bil.5) merupakan rujukan langsung kepada wanita yang berstatus isteri. Sementara itu, frasa seperti ‘dicampak buang’, ‘sepah dibuang’, ‘buangkan aku’, ‘lepas bantal’, ‘ketirisan’ dan ‘digantung’ (bil.4) memberikan deskripsi terhadap peranan wanita sebagai isteri dan ibu. Melalui rujukan dan perujukan ini, kelima-lima PM (bil.1-5) ini memberikan gambaran stereotaip negatif terhadap golongan wanita yang seolah-olah mudah dibuang dan ditukar ganti apabila mereka tidak lagi wujud atau diperlukan oleh golongan lelaki sebagai pasangan (suami). Pendeskripsian submisif dalam bentuk kepasifan keadaan dan peranan juga boleh dikesan melalui dua PM (bil.4-5) apabila peranan dan kewajiban wanita digambarkan untuk kesenangan kaum suami yang menunjukkan kuasa penceraihan (bil.4) dan kenikmatan perkahwinan (bil.5) hanya tertumpu pada kaum lelaki. Entiti ‘rumah gedang’ (bil.5) turut jelas memberikan konotasi terhadap wanita yang dianggap ‘usang’ dan tidak memberikan manfaat, sekaligus golongan yang lemah secara implisit.

Sementara itu, penanda frasa ‘mata kejam’, ‘mata tidur’ dan ‘kepala rebah mata melayang’ dalam PM (bil.6-8) merujuk isteri yang curang dan menekankan ciri-ciri negatif iaitu bersikap curang atau menduakan suami. Ketiga-tiga PM ini menunjukkan unsur seksisme dengan merepresentasikan perempuan atau wanita dengan mengaitkan golongan ini dengan sifat negatif melalui pendeskripsian maksud bagi setiap PM tersebut. Contohnya, maksud PM (bil.6 dan 8) menunjukkan golongan isteri sebagai perempuan yang mengambil kesempatan terhadap golongan lelaki (suami).

Penanda frasa nama ‘seperti puyuh’, ‘ibarat telaga’, dan ‘umpama permata baik’ dalam PM (bil.9-11) merepresentasikan wanita sebagai seseorang isteri yang baik ataupun golongan yang bekerja keras dalam sesebuah perkahwinan. Ketiga-tiga PM ini memperlihatkan pendeskripsian yang agak kompleks. Walaupun maksud bagi ketiga-tiga PM ini memberikan gambaran positif terhadap ciri-ciri golongan wanita, terutamanya sebagai seorang isteri yang memberikan kebahagiaan (bil.10), namun masih terdapat kecenderungan untuk meletakkan peranan wanita tersebut yang dikaitkan dengan kaum lelaki, dan seolah-olah menggambarkan bahawa ciri-ciri kemuliaan, kerja keras dan usaha golongan wanita perlu wujud dengan adanya perbandingan dengan kaum lelaki selain untuk memuliakan golongan suami. Perihal ini masih menunjukkan unsur-unsur seksisme kerana peranan wanita sebagai seorang wanita dan isteri tersebut tidak boleh hadir secara sendiri, dan seakan-akan peranan mereka hanya penting jika dikaitkan dengan kaum lelaki.

Walau bagaimanapun, PM (bil.12) menunjukkan sentimen yang berbeza daripada PM lain dalam membandingkan peranan wanita dengan kaum lelaki. Dalam maksud PM ini, golongan wanita diberikan representasi kebolehpercayaan dalam menyimpan rahsia. Maksud ‘lebih teguh menyimpan rahsia’ ini juga menggambarkan wanita mempunyai ciri-ciri positif seperti amanah, kesetiakawanan dan jaminan.

KATEGORI (2): INTERAKSI WANITA DENGAN GOLONGAN LELAKI

PM (bil.13-14) menggambarkan representasi interaksi perempuan atau wanita dengan golongan lelaki. Penanda kata nama seperti ‘kambing’, ‘bunga’, ‘perigi’ (bil.13-15,18) dan ‘biawak’ (bil.17) merujuk kepada golongan wanita secara jelas. Kelima-lima PM ini turut mengaitkan peranan wanita kepada

kaum lelaki. Keterkaitan ini lazimnya menunjukkan gender wanita sebagai golongan yang lemah, kurang berkuasa dan diterima hanya kerana sifat luaran dan ciri-ciri dangkal. Contohnya, unsur-unsur seksisme jelas kelihatan melalui gambaran wanita sebagai seekor ‘kambing’ merepresentasi haiwan yang lemah jika dibandingkan dengan dua ‘serigala’ yang mewakili kaum lelaki yang merebutinya (bil.13). Perihal yang sama turut dikesan apabila PM (bil.14) mendeskripsikan situasi wanita direbuti oleh golongan lelaki hanya berdasarkan sifat luarannya, manakala PM (bil.17) mendefinisi golongan wanita sebagai ‘biawak’ yang mempamerkan diri dan kecantikannya untuk menarik minat lelaki. Sementara itu, PM (bil.16) pula memperlihatkan situasi wanita yang tidak bergaul ataupun berinteraksi tapi mempunyai sifat jahat. Dalam interaksi wanita dan lelaki atau tiada interaksi, daftar-daftar PM (bil.13,14,16 dan 17) ini lazimnya menggambarkan golongan wanita dalam domain yang negatif.

PM (bil.15) merupakan salah satu peribahasa yang lazim digunakan sehingga hari ini dan penggunaannya mempunyai konotasi yang negatif kerana golongan wanita dijangka untuk bersifat malu dalam masyarakat Melayu dan mereka diwajibkan untuk tidak mendahului langkah mencari jodoh daripada kaum lelaki. Dalam lensa sosialisasi kontemporari, perihal ini dianggap sebagai seksis kerana ia masih memperlihatkan limitasi usaha golongan wanita dalam membuat keputusan sendiri. Walaupun PM (bil.18) dilihat mempunyai konotasi yang lebih neutral kerana memuliakan sifat golongan wanita Melayu yang sepatutnya dicari oleh kaum lelaki, dalam perspektif lain, ia masih menunjukkan keputusan penting dalam pencarian jodoh itu terletak kepada kaum lelaki.

KATEGORI (3): PEMERIAN SIFAT LUARAN DAN PERANGAI WANITA

Seperti yang disenaraikan dalam Jadual 1, kesemua daftar-daftar PM (bil.19-23) menjelaskan sifat luaran golongan wanita dan perincian sifat ini lebih memfokuskan kecantikan luaran. Penanda linguistik seperti ‘bunga dedap’, ‘lebah’, ‘bulan’ dan ‘merak kayangan’ digunakan sebagai simbol dalam menerangkan paras rupa kaum wanita. Namun, kedua-dua PM (bil.19 dan 20) menjelaskan perangai dalaman yang buruk dalam kalangan wanita cantik, sementara PM (bil.21) mendeskripsikan golongan wanita yang mudah ditinggalkan jika sesuatu yang berharga pada dirinya (lazimnya merujuk keperawanan) sudah digunapakai oleh kaum lelaki. Berdasarkan pertalian penanda linguistik dan maksud PM, ketiga-tiga peribahasa ini menggambarkan wanita sebagai gender yang negatif dan tidak menguntungkan.

Pemerian sifat luaran yang lebih neutral dan dianggap positif boleh dilihat dalam PM (bil.22 dan 23). Walaupun terdapat dua kemungkinan utama berunsur seksisme dalam kedua-dua PM ini, iaitu: (1) golongan wanita hanya dirujuk kerana kecantikan luaran dan kejelitaan mereka; (2) kecantikan golongan wanita hanya boleh kelihatan apabila disolek; dan (3) golongan wanita hanya diidamkan berdasarkan kejelitaannya, terdapat kemungkinan bahawa kedua-dua PM ini dicipta untuk memuliakan kaum wanita berdasarkan daftar asalnya yang merujuk golongan wanita sebagai bulan mengambang dan merak kayangan, iaitu sesuatu yang indah dalam pandangan masyarakat Melayu.

ANALISIS KONSTITUEN LINGUISTIK DAN GENDER DALAM PB

Analisis kajian terhadap kumpulan data PB, merangkumi kedua-dua buku *Perambahan Brunei* (1991) dan *Parambahan Brunei* (2003), mendapati representasi gender perempuan atau wanita itu turut terbahagi kepada tiga kategori utama, iaitu (1) peranan wanita sebagai ibu dan isteri dan (2) interaksi wanita dengan golongan lelaki, dan (3) pemerian sifat luaran dan perangai wanita. Perkara ini boleh dilihat melalui Jadual 2.

Jadual 2. Analisis representasi gender wanita dalam PB

PARAMBAHAN BRUNEI DAN KATEGORI		
Kategori: (1) Peranan wanita sebagai isteri dan ibu		
Bil.	Parambahan Brunei (PB)	Maksud
24	Kalangkahan dulang (2003, hlm.47).	Didahului kahwin (kakak oleh adik perempuan).
25	Bungkas-bungkasan (2003, hlm.23).	Perempuan yang sering berkahwin dan bercerai.
26	Buruk bantal (1991, hlm.19).	Sering berbaring semasa mengandung (kerana merasa malas).
27	Macam kayu upar (2003, hlm.64).	Tidak lagi dapat menghasilkan zuriat.
28	Berisi-isian (1991, hlm.14).	Mengandung.
29	Be(r)isi bayung (1991, hlm.13).	Mengandung.
30	Anak susun bantal (1991, hlm.6).	Mempunyai ramai anak (lahir tidak berlat tahun, semuanya hidup dan tidak kurang daripada tujuh orang).
31	Pera(h)u bersadai (2003, hlm.94).	Isteri beristirahat (selepas melahirkan anak).
32	Pera(hu) baru (2003, hlm.94).	Isteri baharu.
Kategori: (2) Interaksi wanita dengan golongan lelaki		
33	Macam orang kematian laki (2003, hlm.67).	Tidak terurus diri (perempuan).
34	Macam orang be(r) ambil-ambilan (1991, hlm.49).	Berjalan dengan berkepit tangan (pasangan lelaki dan perempuan).
35	Macam pangantin baru (1991, hlm.49).	Berlagak seperti orang baru kahwin (suami isteri).
Kategori: (3) Pemerian sifat luaran dan perangai wanita		
36	Amas rupawan (1991, hlm.3).	Wanita yang cantik.
37	Seri kampung (2003, hlm.101).	Perempuan yang tercantik (di kampung).
38	Buntal kaban (1991, hlm.19).	Gemuk dan pendek (perempuan).
39	Macam lasung diantak (2003, hlm.65).	Susah bergerak kerana punggung besar (biasanya perempuan).
40	Macam bini-bini sigau (2003, hlm.58).	Berkelakuan seperti lelaki (remaja perempuan).

KATEGORI (1): PERANAN WANITA SEBAGAI SEORANG ISTERI DAN IBU

Terdapat 9 daftar PB yang memperlihatkan representasi perempuan dan wanita melalui peranan mereka sebagai seorang isteri dan ibu dalam masyarakat Melayu Brunei. Lima penanda linguistik iaitu ‘dulang’ (tudung saji) (bil.24), ‘bantal’ (bil.26), ‘kayu’ (bil.27), ‘bayung’ (bil.29) dan ‘perahu’ (bil.30-31) merujuk golongan wanita secara eksplisit, sementara daftar-daftar yang lain hanya memberikan implikasi terhadap perbuatan wanita, contohnya seperti ‘bungkas-bungkasan’ dan ‘berisi-isian’. Dalam kategori ini, melalui analisis semantik dalam perkaitan penanda linguistik dan maksud PB adalah didapati bahawa lima daftar kata tersebut (bil.28-32) mempunyai ciri-ciri yang lebih neutral kerana mereka hanya menerangkan sifat dan peranan wanita sebagai seorang isteri dan ibu yang mengandung serta melahirkan zuriat. Tiada penjelasan lanjut mengenai daftar-daftar PB ini sekaligus mengurangkan interpretasi negatif terhadapnya.

Namun, perihal ini mungkin berbeza dalam mendeskripsikan maksud-maksud: PB (bil.27) yang merujuk wanita yang tidak boleh melahirkan zuriat dan PB (bil.26) yang menggambarkan sifat wanita yang malas ketika mengandung yang boleh memberikan konotasi yang negatif kerana kemandulan dan kemalasan merupakan sikap yang tidak dianggap positif dalam masyarakat Melayu. Hal ini jelas sekali apabila konstituen seperti ‘kayu’ dan ‘bantal’ tersebut digambarkan dengan adjektif seperti ‘upar’ (bermaksud ‘tidak berbuah’ atau ‘mandul’ dalam bahasa Melayu Brunei) dan ‘buruk’. Perkara yang sama boleh dinilai dalam: PB (bil.25) yang mencirikan sifat wanita yang sering berkahwin dan bercerai dan PB (bil.24) yang menggambarkan keadaan adik perempuan yang mendahului perkahwinan daripada kakak yang lebih sulung. Perilaku yang digambarkan dalam keempat-empat daftar kata PB ini boleh dikategorikan sebagai seksis kerana terdapatnya jangkakan tradisional terhadap golongan wanita yang berkemungkinan tidak pula menjadi isu kepada kaum lelaki.

KATEGORI (2): INTERAKSI WANITA DENGAN GOLONGAN LELAKI

Dalam Jadual 2, daftar-daftar PB dalam memperlihatkan interaksi wanita dengan golongan lelaki boleh dikesan dengan jelas melalui penggunaan penanda linguistik ‘bini-bini’ (perempuan) dan maksudnya. Terdapat sentimen yang menunjukkan peranan dan kedudukan wanita dianggap kurang signifikan jika dibandingkan dengan lelaki dalam masyarakat Melayu Brunei. Contohnya, PB (bil.33) menjelaskan keadaan wanita yang tidak dapat menguruskan diri apabila dikaitkan dengan kematian suami seolah-olah menggambarkan wanita tidak dapat berdikari tanpa adanya golongan lelaki.

Manakala, PB (bil.34-35) memperlihatkan keterkaitan golongan wanita dan lelaki secara berpasangan. Walaupun kedua-dua daftar ini tidak menyasarkan terhadap kaum wanita secara spesifik, kedua-dua PB merupakan sindiran kepada wanita dan lelaki yang tidak memedulikan batasan dalam berpasangan sebelum menikah, sekaligus menunjukkan konotasi negatif namun tidak menumpukan sepenuhnya pada gender wanita.

KATEGORI (3): PEMERIAN SIFAT LUARAN DAN PERANGAI WANITA

Terdapat lima daftar kata PB yang merujuk pemerian sifat luaran wanita dari segi kecantikan secara positif dan juga negatif. Penanda linguistik seperti ‘amas’ (bermaksud ‘emas’ dalam bahasa Melayu Brunei) dalam PB (bil.36) dan ‘seri’ (bil.37) merepresentasikan kecantikan fizikal wanita secara positif tanpa mengaitkannya dengan konstituen lain seperti golongan lelaki. Perihal ini memberikan implikasi bahawa wanita dihargai melalui paras rupanya secara sendiri tanpa perlu penghargaan daripada pihak lain.

Namun, perihal ini adalah berlawanan bagi sentimen dalam PB (bil.38-39) yang digunakan untuk menggambarkan fizikal wanita sebagai ‘kaban’ (peti) (bil.38) dan ‘lasung’ (lesung) (bil.39) dengan sentimen negatif iaitu melalui kata-kata dan frasa adjektif ‘gemuk’, ‘pendek’, ‘punggung besar’, ‘buntal’ (buncit) dan ‘diantak’ (keadaan sesuatu membesar setelah dipalu), sekaligus memberikan interpretasi seperti hodoh dan buruk. Jikalau diteliti dari perspektif seksisme, konotasi kedua-dua daftar PB (bil.38-39) menunjukkan bahawa seolah-olah wanita perlu menepati standard kecantikan dan fizikal yang sempurna, sekaligus merendahkan nilai fizikal wanita yang tidak memenuhi standard seperti berbadan ramping dan tinggi lampai. Perihal ini turut jelas dikesan melalui pemerian PB (bil.40) yang menjelaskan perangai perempuan yang berkelakuan seperti lelaki dan melanggar norma-norma tradisional seorang wanita Melayu yang lazimnya dikaitkan dengan sifat lemah lembut dan pemalu. Ketiga-tiga PB ini dilihat sebagai suatu pernyataan stereotaip tradisional terhadap sifat dan perilaku wanita dan digunakan untuk merendah-rendahkan kaum wanita yang berbeza dari standard tersebut.

PERBINCANGAN: PERBANDINGAN BAHASA SEKSIS DALAM PM DAN PB

Berdasarkan analisis dapatan terhadap daftar-daftar PM dan PB dalam Jadual 1 dan 2, terdapat persamaan yang sangat ketara dalam pembahagian unsur-unsur linguistik dalam merepresentasi wanita dalam ungkapan-ungkapan Melayu, iaitu melalui: (1) peranan wanita sebagai ibu dan isteri, (2) interaksi wanita dengan golongan lelaki, dan (3) pemerian sifat luaran dan perangai wanita. Dalam hal yang sama, perbandingan representasi unsur-unsur seksisme berdasarkan penggunaan penanda linguistik, maksud dan interpretasi serta sentimen dalam daftar-daftar bagi kedua-dua PM dan PB juga boleh dianggap konsisten, sepertimana yang dilihat dalam Jadual 3.

Jadual 3. Konotasi gender wanita dalam analisis PM dan PB

Rujukan	Jumlah Daftar Keseluruhan	Jumlah Daftar Gender Wanita	Konotasi Positif	Bentuk Neutral	Nilai/Konotasi Negatif
PM	3,500	23	4 (17.4%)	-	19 (82.6%)
PB	1,984	17	2 (11.8%)	5 (29.4%)	10 (58.8)

Dalam penelitian unsur-unsur seksis terhadap wanita, nilai-nilai kewanitaan dan representasi wanita dalam PM dan PB, sebahagian besar daripada daftar-daftar kumpulan data ini lebih cenderung menunjukkan konotasi negatif. Hubungan bias, kuasa dan dominasi melalui bahasa dan penggunaan bahasa dimanifestasikan melalui dua cara utama, iaitu: (1) pemerian sifat dan tabiat negatif wanita, dan (2) kedudukan subordinasi wanita di dalam masyarakat Melayu. Perihal ini dikesan melalui penganalisan penanda-penanda linguistik seperti perbandaharaan kata dan frasa serta maksud PM dan PB yang dikaitkan dengan pengetahuan penggunaan ungkapan-ungkapan Melayu tersebut.

Dalam perihal (1), pemerian sifat dan tabiat wanita ini lazimnya direpresentasi dalam bentuk-bentuk melenyapkan perikemanusiaan (*dehumanizing*) kerana sebahagian besar daripada penanda linguistik seperti 'kain' (bil.1), 'baju' (bil.2), 'tikar' (bil.3), 'dulang' (bil.24) dan 'perahu' (bil.31) dalam PM dan PB yang digambarkan melalui metafora seperti bentuk-bentuk benda sampingan dan binatang yang lemah digunakan sebagai rujukan langsung dan tidak langsung kepada kaum wanita. Sebahagian besar daripada penanda-penanda linguistik ini turut disertakan dengan kata-kata adjektif yang berkonotasi negatif atau bersifat kebergantungan (kepada kaum lelaki). Kajian yang dijalankan oleh Tipler dan Ruscher (2019) juga pernah menemukan dapatan serupa apabila elemen-elemen kata, panggilan dan metafora yang bersifat melenyapkan perikemanusiaan digunakan sebagai medium untuk merendahkan kaum wanita.

Sebahagian besar daripada data PM dan PB turut memerikan golongan wanita dengan maksud dan sifat-sifat negatif, seperti curang, berhati jahat dan malas. Penakrifan maksud sebilangan dari PM dan PB turut memfokuskan pemerian paras rupa hodoh dan bentuk badan wanita yang tidak ideal seperti 'habis manis', 'buntal kaban' dan 'lasung diantak' dalam masyarakat Melayu, sekaligus bertentangan dengan dapatan kajian Zabedah dan Shaiful Bahri (2019). Sungguhpun kajian Zabedah dan Shaiful Bahri (2019) ini menjelaskan bahawa masyarakat Melayu menggunakan PM sebagai acuan bagi kecantikan zahir dan batin ideal wanita Melayu, masih tidak dapat dinafikan terdapat unsur-unsur seksisme dan jangkauan memenuhi standard dalam PM dan PB jika ditinjau melalui perspektif penggunaannya yang memperlihatkan ciri-ciri ini mungkin tidak tercapai oleh golongan wanita secara

alami ataupun dalam golongan masyarakat kontemporari. Lebih-lebih lagi jika dikaitkan bahawa penciptaan ungkapan-ungkapan Melayu seperti PM dan PB adalah merupakan medium sindiran dalam masyarakat Melayu.

Melalui penelitian dalam Jadual 3, hanya sebahagian kecil daripada ungkapan-ungkapan Melayu ini menerangkan sifat-sifat yang lebih neutral dan positif. Bentuk neutral yang hanya menerangkan maksud ciri-ciri umum perempuan dan wanita wujud dalam PB, khususnya dalam pemerian peranan wanita secara alami sebagai ibu yang mengandung. Namun, daftar-daftar PM lazimnya menerangkan ciri-ciri kewanitaan dari aspek yang kurang memberontungkan kaum wanita. Sebelum ini, Rokhsana-Bibi (1998) mendapati sentimen yang sama dalam kajiannya mengenai perlambangan wanita sebagai “benda atau perkara yang buruk” (hlm.117) dalam PM, sekaligus turut diakui oleh Nor Hashimah (2000), Siti Nurizzaty et al. (2018), dan Zabedah dan Shaiful Bahri (2019). Kajian artikel ini mendapati bahawa dengan penganalisisan lebih lanjut, pemerian indah dan peranan serta kedudukan golongan wanita dalam PM dan PB masih berkecenderungan untuk mengaitkannya dengan faedah kepada golongan lelaki sama ada secara langsung (PM bil.10,14,17,18,21) ataupun tidak langsung (PM bil.23; PB bil.33). Perihal ini sekaligus memberikan implikasi interpretasi bahawa kaum wanita bersifat lebih submissif dan seolah-olah dianggap sebagai golongan yang ‘menawarkan perkhidmatan’ kepada kaum lelaki.

Bagi perihal (2) yang merujuk kedudukan wanita dalam masyarakat Melayu, secara majoriti, kumpulan data PM dan PB mempunyai kecenderungan untuk menggambarkan kedudukan kaum wanita sebagai golongan subordinasi yang mudah dibuang dan ditukar ganti dan dimanifestasikan melalui perlambangan yang berunsur lemah dan tidak dominan. Perihal ini sangat jelas dikesan dalam sebahagian besar daftar-daftar PM dan dianggap hanya ‘disayang semasa masih cantik’ (bil.21). Kedudukan lemah ini bukan hanya dianalisis melalui sudut pandang pengkaji, malah turut dikesan melalui perakuan di dalam daftar PM itu sendiri apabila memerikan kerelaan ‘isteri kepada suaminya yang mencari kekasih lain’ (bil.2). Selain itu, sentimen negatif terus cenderung dikaitkan dengan golongan wanita walaupun PM tersebut cuba menerangkan sifat-sifat positif kaum wanita (bil.11).

Kajian ini tidak menafikan bahawa kemungkinan unsur-unsur seksisme ini wujud dan dimanifestasikan sebagai fenomena sosial bangsa Melayu tradisional pada zaman dahulu, namun ia masih digunakan pada masa kini. Sama ada dalam PM atau PB sebagai sebahagian dari manifestasi pemikiran dan intelektual Melayu, masih terdapat persamaan dalam sentimen memanifestasikan stereotaip dan ketidakadilan di dalam ungkapan Melayu. Persamaan sentimen yang lebih menunjukkan nilai negatif ini secara ketara dikongsi bersama kerana bangsa Melayu dari Malaysia dan Brunei juga berakar-umbi daripada keturunan bangsa Melayu yang sama, sekaligus mengalami perkongsian cara hidup, kebudayaan dan ketamadunan yang sama. Namun, terdapat perbezaan dalam menzahirkan bahasa figuratif dan maknanya melalui analisis komparatif antara PM dan PB. Hal ini dapat dikesan bahawa gambaran wanita dalam PM tampak lebih implisit kerana daftar-daftar PM banyak menggunakan frasa-frasa yang lebih berestetika seperti “mata kejam, bantal membuat ragam” (bil.7) dan “umpama bulan mengambang penuh di kaki awan” (bil.22) jika dibandingkan dalam daftar-daftar PB seperti “buruk bantal” (bil.26) atau “pera(hu) bersadai” (bil.31) yang menunjukkan perbandingan yang lebih telus.

Tidak dinafikan bahawa bangsa Melayu juga terkenal sebagai bangsa yang mengamalkan sistem patriarki dalam kehidupan seharian dan bermasyarakat, oleh itu, ciri-ciri praktikal budaya Melayu juga lazimnya mengangkat kedudukan lelaki dengan lebih tinggi berbanding kaum wanita (Faris & Faizal, 2022). Selain itu, bangsa Melayu yang mempunyai perkaitan rapat dengan agama Islam

juga meletakkan kuasa penceraian sebagai keistimewaan pada kaum suami, sekaligus memperlihatkan peranan dominan lelaki dalam interaksi bersama kaum wanita. Perihal ini berkemungkinan mempengaruhi penciptaan PM dan PB dalam masyarakat Melayu tradisional kerana perihal ini jelas dikesan dalam sebahagian besar daftar-daftar PM yang memperlihatkan golongan wanita itu mudah ditukar ganti atau ditinggalkan oleh suami (bil.1-4), namun jika kaum wanita yang berkahwin berkali-kali dianggap pula mempraktikkan sentimen negatif sepertimana digambarkan dalam PB (bil.25).

Oleh sebab bahasa, budaya dan ketamadunan sesebuah bangsa itu saling berinteraksi dan menghasilkan sebuah sinergi, ia turut merepresentasi gambaran istilah, peranan dan kedudukan wanita dalam masyarakat tradisional Melayu di Malaysia dan Brunei. Perihal ini juga dimanifestasikan dalam komunikasi seharian, lebih-lebih lagi dalam ungkapan-ungkapan Melayu tradisional seperti PM dan PB. Kajian artikel ini tidak menolak kemungkinan bahawa penciptaan dan penggunaan ungkapan-ungkapan Melayu seperti PM dan PB ini berfungsi sebagai isi pengajaran untuk dijadikan iktibar bagi orang-orang Melayu sepertimana yang ditekankan oleh Nor Hashimah (2000), oleh yang demikian unsur-unsur seksisme yang dikesan mungkin wujud secara tidak langsung. Perihal ini turut memberikan peluang kepada lebih banyak pengkaji untuk mengkaji peribahasa ini dari sudut dan pendekatan yang berbeza serta perbandingan yang relevan bagi mengetahui perihal penciptaan PM dan PB yang lebih mendalam dalam membicarakan persoalan gender dan keterkaitannya dengan isu sosial.

Dalam menjawab tiga persoalan utama dalam penyelidikan ini, berikutan analisis dalam artikel ini, walaupun menggunakan teori dan sudut pandangan yang berbeza daripada kajian-kajian sebelumnya, ia masih menunjukkan bahawa terdapat unsur-unsur seksisme yang menumpukan konotasi negatif dalam kedua-dua PM dan PB (persoalan 1). Melalui penggunaan penanda-penanda linguistik, unsur-unsur seksisme dalam PM dan PB tersebut dimanifestasikan melalui dua cara iaitu, dalam menggambarkan pemerian sifat dan tabiat negatif wanita, dan kedudukan subordinasi wanita di dalam masyarakat Melayu (persoalan 2). Kajian ini turut mendapati persamaan yang sangat ketara dalam memanifestasikan unsur-unsur seksisme dalam PM dan PB, iaitu dalam memfokuskan peranan wanita sebagai ibu dan isteri, interaksi wanita dengan golongan lelaki, dan pemerian sifat luaran dan tabiat wanita secara langsung atau tidak langsung (persoalan 3).

IMPLIKASI KAJIAN


Penemuan daripada kajian ini mendedahkan pandangan kritikal terhadap penggunaan PM dan PB dalam masyarakat Melayu, sekaligus menawarkan implikasi praktikal untuk kedua-dua metodologi penyelidikan dan amalan pendidikan. Perihal ini turut membuka jalan untuk bagi meneliti pendekatan dalam menjalankan penyelidikan dan meningkatkan inovasi dalam pedagogi yang boleh memberi kesan positif terhadap penggunaan bahasa dalam masyarakat.

Dari segi penyelidikan, beberapa kajian tentang bahasa seksis dalam PM sebelumnya secara kolektif menunjukkan kemungkinan perbezaan interpretasi dapatan berdasarkan penerapan teori dan sudut pandang yang berbeza. Dalam hal yang sama, terdapat juga keperluan untuk menilai penanda linguistik, maksud daftar dan fungsi PM dan PB ini dari konteks sosial dan penggunaannya kerana PM dan PB juga merupakan sebahagian produk kesusasteraan Melayu yang memerlukan intepretasi dan kefahaman terhadap masyarakat yang melahirkannya. Namun, kajian-kajian sebelum ini seperti Rokhana-Bibi (1998), Nor Hashimah (2000), Siti Nurizzaty et al. (2018) dan Zabedah dan Shaiful Bahri (2019) kurang memberikan penekanan terhadap peranan ungkapan-ungkapan Melayu sebagai medium sindiran dalam masyarakat Melayu. Perihal ini pernah dinyatakan oleh Wan Norasikin (2012) yang mendapati PM digunakan sebagai medium sindiran turut berkonotasi negatif terhadap kaum wanita,

sekali­gus mem­pen­garu­hi cara pen­zahiran maksud dan inter­pre­ta­si ung­ka­pan Melayu. Seba­gai impli­ka­si kajian pada masa hadapan, pen­g­ka­ji di­galak­kan untuk men­e­li­ti pen­gu­naan PM dan PB bu­kan hanya dari fungsi pen­ga­ja­ran se­ma­ta­ma­ta, malah dari pel­ba­gai aspek dan me­di­um yang mem­un­g­kin­kan inter­pre­ta­si yang lebih melu­as dan tidak bias.

Oleh se­bab kajian ini men­je­laskan ba­hawa dapatan anali­sis yang men­un­jukkan un­sur­un­sur seksisme ini ber­da­sar­kan pen­ci­ptaan dan pen­gu­naannya serta jus­ti­fi­ka­si dalam ma­syaraka­at Melayu tra­di­si­onal, pe­ri­hal ini turut meng­ge­sa ke­per­lu­an dalam meng­ka­ji prak­ti­kal PM dan PB ini dalam ko­mu­ni­ka­si ha­ri­an ma­syaraka­at Melayu kon­te­mpo­ra­ri, sama ada dalam bentuk sindiran atau me­di­um pen­ga­ja­ran dan se­ba­gainya. Se­lain itu, pen­li­ta­an PM dan PB dalam wa­cana pen­li­ta­an mo­de­n juga boleh di­ja­lankan untuk mem­aha­mi pen­gu­naan ung­ka­pan Melayu ini se­ba­gai tes­ta­men ke­bu­da­yaan ma­syaraka­at Melayu kon­te­mpo­ra­ri. Kajian kom­pa­ra­ti­f mem­ban­ding­kan sen­ti­men dan re­pre­sen­ta­si bagi ke­dua­dua gender wa­ni­ta dan le­laki dalam PM dan PB juga boleh di­ja­lankan untuk mem­aha­mi ke­se­im­ba­ngan seksisme dalam produk pem­i­ka­ran ke­bu­da­yaan Melayu.

Berikutan ke­kurangan teori dan model dalam pen­ga­na­li­si­an ba­hasa gender dalam ung­ka­pan Melayu, se­buah model pen­ga­na­li­si­an bagi mem­aha­mi un­sur­un­sur seksisme dan isu gender boleh di­ru­juk me­la­lui ra­jah 1. Oleh se­bab pen­ye­li­di­kan ba­hasa seksis dalam ung­ka­pan Melayu se­belum ini hanya men­e­ka­nkan un­sur seksisme dari aspek pe­me­rian dan pe­ra­nan wa­ni­ta, kajian ini men­da­pa­ti kom­po­nen ke­ti­ga yang mem­fo­ku­skan in­te­rak­si wa­ni­ta dengan go­lon­gan le­laki dalam mem­per­li­hat­kan ke­ti­da­ke­se­im­ba­ngan kuasa dan gender. Pe­ri­hal ini se­ri­ngan dengan kajian­kajian yang di­ja­lankan oleh Eckert dan Mc­Con­nell­Ginet (1992) dan Me­ne­gatti dan Ru­bini (2017) yang men­e­ka­nkan ke­pe­ntingan menin­jau in­te­rak­si go­lon­gan wa­ni­ta dengan kaum le­laki dalam mem­aha­mi un­sur­un­sur seksisme dalam ko­mu­ni­ka­si dan ma­syaraka­at. Model pen­ga­na­li­si­an dalam ra­jah 1 juga boleh di­ap­li­ka­si dalam meng­ana­li­si­kan un­sur­un­sur lin­gu­istik ber­da­sar­kan gender dalam pen­gu­naan ba­hasa fi­gu­ra­ti­f Melayu.



Rajah 1. Model analisis bahasa seksis berdasarkan representasi gender wanita (berdasarkan penelitian kajian ini)

Memandangkan kajian berkaitan dengan PB, interpretasi dan pen­gu­naannya adalah ter­had, pe­ri­hal ini turut mem­pen­garu­hi pen­ga­na­li­si­an data PB ke arah lebih neutral. Pe­ri­hal ini berbeza dengan kajian­kajian PM yang lebih banyak di­ter­bit­kan, sekali­gus mem­udah­kan in­te­pre­ta­si ber­da­sar­kan pen­gu­naan dan konteks. Oleh itu, kajian ter­had­ap pen­gu­naan dan in­te­pre­ta­si PB dalam konteks

sosialisasi masyarakat Brunei sepatutnya lebih banyak dijalankan untuk memberikan ruang kepada lebih banyak interpretasi penyelidikan pada masa akan datang.

Kajian ini turut mengutarakan implikasi penting dalam pengajaran bahasa. Oleh sebab PM dan PB turut dititikberatkan dalam kurikulum formal dan peperiksaan subjek bahasa Melayu di sekolah-sekolah di Malaysia dan Brunei, isi pelajaran melibatkan daftar-daftar PM dan PB juga perlu sentiasa diselidiki, dinilai dan diajarkan berdasarkan keperluan dan kesesuaian. Daftar-daftar PM dan PB yang bersifat luwes dan boleh menzahirkan pelbagai interpretasi berikutan sifatnya sebagai bahasa kiasan turut memerlukan kepakaran dan kepekaan guru-guru dalam menyampaikan erti dan fungsi PM dan PB dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Perihal ini adalah untuk mengelakkan kewujudan penerapan, pengukuhan dan pengekalan sikap bias dan stereotaip terhadap sesuatu gender. Sebelum ini, Muhammad Zuhair et al. (2024: 13) turut menekankan kepentingan isi pelajaran dan cara pengajaran guru dalam pendidikan formal bahasa Melayu, antara lain, melibatkan penyaringan dan penyesuaian “nilai murni yang bersifat sejagat dan selaras dengan agama, budaya dan norma masyarakat”. Lebih-lebih lagi kerana kajian-kajian mengaitkan bahasa dan unsur-unsur gender dan seksisme sebelum ini antara lain bertujuan untuk memastikan penampilan linguistik tidak bersifat bias dan menyebabkan diskriminasi (Caldas-Coulthard, 2020; Menegatti & Rubini, 2017), sekaligus membolehkan penerapan amalan praktikal budaya dan cara hidup yang memacu kepada kemajuan masyarakat yang lebih adil dan seimbang.

KESIMPULAN

Melalui penyelidikan unsur-unsur seksisme menggunakan penelitian kritis terhadap ungkapan-ungkapan Melayu yang dimanifestasikan melalui PM dan PB, kewujudan bahasa seksis terhadap kaum wanita direpresentasikan melalui pemerian negatif dan kedudukan subordinat wanita dalam masyarakat Melayu, melalui tiga aspek utama iaitu dalam ciri-ciri luaran dan peranan wanita serta interaksi mereka dengan golongan lelaki. Pengukuhan stereotaip wanita juga wujud apabila terdapatnya jangkakan terhadap paras rupa, bentuk badan dan tabiat wanita dalam masyarakat Melayu dan pelanggaran kepada norma-norma ini dianggap sebagai sesuatu yang negatif. Di samping itu, unsur-unsur seksisme juga boleh dikesan apabila PM dan PB yang menerangkan tentang wanita dan ciri-ciri kewanitaan serta peranan mereka lazimnya dikaitkan dengan konstituen lelaki dari segi faedah dan kedudukan dalam masyarakat.

Seiringan dengan kepentingan dan kehairahan dalam meneliti unsur-unsur genderisme dalam bahasa, khususnya dalam bahasa Melayu, kajian ini turut menzahirkan beberapa implikasi penting yang perlu diambil perhatian dalam mengaplikasikan PM dan PB sebagai data penyelidikan dan juga sumber pelajaran.

RUJUKAN

- Ainon Mohd., & Abdullah Hassan. (2006). *Koleksi terindah peribahasa Melayu (Edisi kemas kini)*. PTS Publications.
- Asnan, N.A., Yusof, B., & Azli, N.A. (2024). Analisis kata tayi dalam Parambahan Brunei. *Journal Ilmiah Rinjani (JIR)*, 12(1), 25-32. <https://doi.org/10.53952/jir.v12i1.570>
- Bahiyah Dato' Hj Abdul Hamid, & Hafriza Burhanudeen. (1998) Men and women in Malay proverb. An analysis of Malay gender ideology. Dlm Sharifah Zaleha Syed Hassan & Rashila Ramkli (peny.), *Kedudukan dan citra wanita dalam sumber-sumber tradisional Melayu* (hlm. 148-158). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bahiyah Dato' Hj Abdul Hamid, Mohd Yasin, Kesumawati Abu Bakar, Yuen Chee Keong, & Azhar Jalaluddin. (2008). Linguistic sexism and gender role stereotyping in Malaysian English language textbooks. *Gema Online Journal of Language Studies*, 8(2), 45-78.

- Bartłomiejczyk, M. (2023). Interpreting sexist discourse in the European parliament: A case study. *Gema Online Journal of Language Studies*, 23(3), 58-75.
- Caldas-Coulthard, C.R. (peny.) (2020). *Innovations and challenges: Women, language and sexism*. Routledge.
- Ding Choo Ming. (2009). Beberapa sifat, asal usul dan kepengarangan peribahasa Melayu. *Sari – International Journal of the Malay World and Civilization*, 27(2), 3-26.
- Eckert, P., & McConnell-Ginet, S. (1992). Think practically and look locally: Language and gender as community-based practice. *Annual Review of Anthropology*, 21, 461-490.
- Faris Ridzuan, & Faizal Musa. (2022). “Hit me baby one more time?” – Patriarchalism, Literalism and androcentrism on the rise in Malaysia. *Perspective*, 56, 1-9. https://www.iseas.edu.sg/wp-content/uploads/2022/05/ISEAS_Perspective_2022_56.pdf
- Garnica, B. (2020). Linguistic sexism and society: A women’s representation through language. *Language. Text. Society*, 7(2). <https://ltsj.online/2020-07-2-garnica>
- Graddol, D., & Swann, J. (1989). *Gender voices*. Blackwell.
- Imran-Ho Abdullah. (2011). Analisis kognitif semantik peribahasa Melayu bersumberkan anjing (Canis Familiaris). *Gema Online Journal of Language Studies*, 11(1), 125-141.
- Junej, A. (2024). Evolusi fonologi bahasa Melayu Brunei. *International Journal of Linguistics and Indigenous Culture*, 2(1), 22–56. <https://doi.org/10.36312/ijlic.v2i1.1799>
- Menegatti, M., & Rubini, M. (2017). Gender bias and sexism in language. *Communication*. <https://doi.org/10.1093/acrefore/9780190228613.013.470>
- Mills, S. (2008). *Language and sexism*. Cambridge University Press.
- Mills, S., & Mullany, L. (2011). *Language, gender and feminism: Theory, methodology and practice*. Routledge.
- Muhammad Zuhair Zainal, Hasmidar Hassan, & Aznan Che Ahmad. (2024). Penerapan teras hati budi Melayu dalam pengajaran bahasa Melayu melalui lakuan pertuturan guru. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 15(1), 1-15.
- Musa, M.F., & Che Man, M.A.F. (2024). Penginterpretasian makna korupsi dari Simpulan Bahasa dan Pendidikan Hak Asasi Manusia generasi ketiga. *PENDETA*, 15(1), 12–26. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol15.1.fa.2.2024>
- Nazrul Muhamin Abdul Aziz, & Muhamad Fadzilah Hj Zaini. (2016). Meneroka dan menelusuri aplikasi media interaktif perambahan Brunei. Dlm *Prosiding Seminar Antarabangsa Arkeologi, Sejarah, Bahasa dan Budaya di Alam Melayu (ASBAM-5)*, edisi 1.
- Nneka, U-O. (2012). Linguistic sexism: An overview of the English language in everyday discourse. *AFRREV LALIGENS An International Journal of Language, Literature and Gender Studies*, 1(1), 1-17.
- Nopiah, J., & Anuar, F.J. (2023). Unsur eufemisme dalam Peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Jurnal Bahasa*, 23(1), 1-32. [https://doi.org/10.37052/jb23\(1\)no1](https://doi.org/10.37052/jb23(1)no1)
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2000). Seksis atau sosialisasi: Satu interpretasi makna berdasarkan peribahasa Melayu. *Rampak Serantau*, 7, 142-161.
- Ochieng, D. (2012). Sexism in language: Do fiction writers assign agentive and patient roles equally to male and female characters? *The Journal of Language and Linguistic Studies*, 8(2), 20-47. <http://www.jlls.org/vol8no2/20-47.pdf>
- Perambahan Brunei*. (2003). Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.
- Perambahan Brunei*. (1991). Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.
- Roksana-Bibi Abdullah. (1998). Unsur-unsur seksis dalam bahasa Melayu. *Jurnal Dewan Bahasa*, 42(10). Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia.
- Salmen, A., & Dhont, K. (2020). Hostile and benevolent sexism: The differential roles of human supremacy beliefs, women’s connection to nature, and the dehumanization of women. *Group Processes & Intergroup Relations*, 24(7). <https://doi.org/10.1177/1368430220920713>
- Saripah Banseng, & Rosline Saidai. (2017). Unsur bahasa kiasan metafora dalam Sampi Iban. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 8, 116-121.
- Siti Nurizzaty Salit, Norsimah Mat Awal, & Harishon Radzi. (2018). Unsur feminisme dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik kognitif. *Wacana Sarjana*, 2(1), 1-10.
- Suhaidah Said, Siti Nurul Jannah Fital, & Nor Suhaila Che Pa. (2014). *Analisis gender dalam bahasa Melayu dari sudut leksikal dan makna*. Kertas dibentangkan di Symposium of International Language & Knowledge (SiLK 2014), Hydro Hotel, Penang, 14-16 Februari.
- Sunderland, J. (2006). *Language and gender: An advanced resource book*. Routledge.
- Tipler, C.N., & Ruscher, J.B. (2019). Dehumanizing representations of women: The shaping of hostile sexist attitudes through animalistic metaphors. *Journal of Gender Studies*, 28(1), 109–118. <https://doi.org/10.1080/09589236.2017.1411790>
- Wan Norasikin Wan Ismail. (2012). Wanita dalam peribahasa. *Pelita Bahasa*, 27(11), 26-29.
- Weatherall, A. (2015). Sexism in language and talk-in-interaction. *Journal of Language and Social Psychology*, 34(4), 1-17.

- Williams, R. (2022). Reading gender in classics of children's literature: the anthropomorphic representation of gender in Carlo Collodi's *Le Avventure di Pinocchio*, *Perspectives*, 30(6), 1012-1026. <https://doi.org/10.1080/0907676X.2022.2025871>
- Zabedah Mohammed, & Shaiful Bahri Md Radzi. (2019). Manifestasi keluhuran wanita dalam peribahasa cerminan peradaban Melayu. Seminar Antarabangsa Susastera, Bahasa dan Budaya Nusantara, 435-445.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2009). Konsep maskulin dan feminin dalam peribahasa Melayu. *Dewan Bahasa*, 9(3), 28-30.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah, & Ahmad Fuad Mat Hassan. (2011). Bahasa dan pemikiran dalam peribahasa Melayu. *Gema Online Journal of Language Studies*, 11(3), 31-51.